



UPM Cipta Mesin Nanas 3 Dalam 1



Dr. Rosnah Shamsudin bersama dengan Mesin Nanas 3 Dalam 1 .

SERDANG, 11 Februari – Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta mesin nanas 3 dalam 1 atau Pineapple-multi-peeler yang mampu memproses nanas berbentuk kepingan dan kuib.

Ketua penyelidik Dr. Rosnah Shamsudin berkata mesin yang menjimatkan tenaga dan masa itu direka cipta berasaskan tiga fungsi utama iaitu mengupas kulit dan empulur, memotong nanas dalam bentuk kepingan dan kuib.

“Mesin yang beroperasi secara manual atau automatik ini sesuai digunakan oleh pengusaha dalam industri nanas di rumah atau di kilang,” katanya pada sidang media majlis promosi produk penyelidikan UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

Beliau berkata penyelidikan mesin itu yang dijalankan sejak tahun 2008 hingga 2009 itu telah difailkan untuk paten di Malaysia pada 13 November 2009 dengan dibiayai oleh UPM.

Dr. Rosnah mendapatkan khidmat nasihat daripada Lembaga Industri Nanas Malaysia (MPIB) bagi mengenalpasti permasalahan mesin pengupas nanas yang sedia ada sebelum mencipta mesin itu kerana pengusaha jem, kuih-muih dan nanas dalam tin masih memproses nanas secara manual.



Teknologi canggih mesin nanas memudahkan ia dikupas secara serentak.

Beliau yang dibantu oleh penyelidik bersama Siti Zaharah Mustapa dari Fakulti Kejuruteraan berkata kelebihan mesin itu ialah mudah dikendalikan, menjimatkan tenaga, terjamin kebersihan dan kos penyelenggaraan yang murah..

Dr. Rosnah yang juga pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan berkata mesin nanas 3 dalam 1 itu disasarkan kepada pengusaha industri kecil dan sederhana seperti penjual buah nanas segar, pengusaha nanas dalam tin serta usahawan tat, jem dan jus nanas.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Abu Bakar Salleh berkata walaupun teknologi mesin itu masih di peringkat pro-pengkomersilan, UPM mengalukan pihak yang berminat untuk mengkomersilkannya.

"Jika mesin ini dikomersilkan, saya yakin ia mampu membantu industri nanas negara selain menjimatkan kos buruh untuk mengupas buah nanas," katanya.



Mesin Nanas 3 Dalam 1 menyimpan pelbagai kegunaannya.

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Noor Eszereen Juferi-89466013)